

03 AUG 1996
Perajurit
PBPM PERLU BADAN KHAS SEBAGAI PAYUNG

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) perlukan satu badan khas yang ditadbir oleh golongan profesional sebagai payung untuk membiayai aktiviti persatuan, kata Presiden persatuan itu Datuk Zainol Abidin Johari.

Ini kerana PBPM menghadapi masalah untuk mencari sumber kewangan kerana selama ini ia diperolehi daripada yuran tahunan anggota persatuan iaitu RM3 bagi anggota biasa dan RM50 bagi anggota seumur hidup serta daripada derma Rayuan Hari Pahlawan.

"PBPM memerlukan RM2 juta setahun bagi tujuan pengurusan dan kebajikan," katanya semasa berucap pada Majlis Khidmat Masyarakat PBPM di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri yang juga Penaung PBPM Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. Turut hadir ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail.

Zainol berkata kini terdapat 140 ribu anggota PBPM. Dianggarkan 250 ribu bekas anggota tentera lagi tidak berdaftar sebagai anggota.

Sehubungan itu, beliau berharap penubuhan Yayasan Perkasa yang diilhamkan oleh PBPM sejak dua tahun lepas dapat beroperasi segera supaya ia dapat bertindak sebagai payung dalam hala tuju dan pengurusan PBPM.

Beliau menjelaskan bahawa sumber kewangan bagi Yayasan itu dicadangkan akan dipohon daripada kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Penubuhan yayasan itu juga bagi mengurangkan perbuatan "meminta-minta" untuk sumber kewangan PBPM, katanya dan melaluinya diharapkan akan menentukan pulangan sumber kewangan tahunan yang berterusan dan stabil.

PBPM juga sudah menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung perkara itu.

Tahun lepas PBPM membelanjakan RM1.024 juta untuk pelbagai bantuan kebajikan, antaranya kepada para balu, bantuan kerusi roda, anggota tiruan dan biasiswa kepada anak-anak anggota, katanya. -- BERNAMA

RHM RON